

03/03/1997

Go-kart: ITM, Mofaz Motorsports usaha sama

LANGKAWI, Ahad - Institut Teknologi Mara (ITM) dan Mofaz Motorsports Sdn Bhd hari ini menandatangani memorandum persefahaman (MOU) bagi kerjasama penyelidikan, mereka bentuk dan menguji lari go-kart.

Go-kart hasil kerjasama itu akan digunakan dalam pendidikan perlumbaan dan perlumbaan Formula 1.

Majlis menandatangani MOU yang berlangsung di Litar Lumba Go-kart Mofaz Motorsports di sini disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berada di pulau peranginan ini untuk melepaskan peserta peringkat ke-12 yang juga peringkat terakhir dalam perlumbaan basikal Le Tour de Langkawi petang ini.

ITM diwakili Pengerusinya, Tan Sri Abdul Rahman Arshad manakala Mofaz Motorsports diwakili Presidennya, Mohamed Fauzy Abdul Hamid.

Terdahulu, Dr Mahathir merasmikan perlumbaan Asean Kart Prix I di litar itu dengan memandu sebuah go-kart mengelilingi litar itu, selepas diperkenalkan kepada peserta.

Sebelum itu, beliau melawat projek Lapang Sasar Antarabangsa Langkawi yang dalam pembinaan di Ulu Melaka.

Lapang sasaran itu dibina oleh KLK Kontrekbina pada kos RM66.5 juta dan dijangka siap empat bulan lagi untuk digunakan bagi pertandingan menembak, khususnya ketika Sukan Komanwel tahun depan.

Selepas itu, Perdana Menteri meninjau projek pelabuhan kapal persiaran di Tanjung Mali sebelum ke projek Port Langkasuka Marina. - Bernama

(END)